

1100033011


Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUS)

LI 28 FPE 1 2002



1100033011

Laporan akhir latihan industri di Pejabat Tanah dan Jajahan Pas Puteh, Kelantan / Nor Lella Husin.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100033011

PUSAT PENBELAJARAN DIGITAL

Lihat sebelah

**HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM**

LI
28
FPE
1
2002

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN PASIR PUTEH,
KELANTAN**

OLEH :

**NOR LELLA BT. HUSIN
SARJANA MUDA SAINS POLISI AWAM DAN
SEKITARAN**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN
KEPADА:**

**JABATAN PENGAJIAN AM
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA
(KUSTEM)**

2002

1100033011

DEDIKASI

Seringkali bayangan dan imaginasi lebih gagah daripada yang nyata dan impian lebih bertenaga dari yang kelihatan. Namun kehadiranmu semua membuatku tetap bersemangat walaupun didalam kelemahan. Dan pada setiap masa hilai dan tawamu pengubat duka. Sesungguhnya kaulah ilhamku, semangatku dan kasihku.

Buatmu yang teristimewa:

Ayahanda, Hj. Husin Bin Dullah
Bonda, Hajjah Hazirah Bt. Salleh
Mohammad Bin Ismail
Norma Bt Hj. Husin
Rafeah Bt Hj. Husin
Affandi Bin Hj. Husin
Siti Ramlah Bt Hj. Husin
Abdul Aziz Bin Hj. Husin

Sekalung doa ku hulurkan, moga kebahagiaan tetap bersemi buat kita semua, bersama hidayah dari Yang Maha Esa. Sesungguhnya kemanisan adalah suatu nikmat dan kepahitan adalah suatu rahmat yang mengajar kita erti kedewasaan.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu syukur kehadrat llahi kerana dengan limpah kurnianya dapatlah saya menjalani latihan praktikum serta menyiapkan laporan yang telah diamanahkan dengan jayanya. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang tak terhingga diucapkan kepada pihak KUSTEM (Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia) kerana memberi peluang kepada saya mengikuti latihan industri ini. Sesungguhnya dengan adanya latihan industri ini dapat membantu saya mengenali alam pekerjaan yang bakal saya hadapi nanti. Pengalaman-pengalaman yang dipungut merupakan tunggak kepada kejayaan saya kelak.

Ucapan terima kasih yang tak terhingga juga diajukan kepada Ketua Jajahan Pasir Puteh, Hj. Kamarudin B. Mohd. Zin kerana bermurah hati memberi peluang kepada saya untuk menjalani latihan praktikum di pejabat ini. Dan tidak lupa juga berbanyak terima kasih diajukan kepada penyelia latihan industri KUSTEM, Dr. Asyraf Bin Hj. Abd Rahman kerana banyak membantu saya dengan memberi pelbagai tunjuk ajar untuk saya menjalani latihan praktikum ini. Sesungguhnya tanpa bantuan beliau sudah tentu saya tidak dapat menjalani latihan amali ini dengan sempurna.

Berbanyak terima kasih yang tak terhingga juga diajukan kepada penyelia organisasi, Hj. Tuan Mat B. Tuan Abdullah selaku Pembantu Tadbir Kanan (Hasil) dan En. Mohd Faris Bin Dato' Kasim selaku A.D.O. kerana telah banyak mengajar saya serta tidak jemu memberi pelbagai teknik yang berkesan bagi menjalankan kerja-kerja yang pada mulanya adalah sukar. Sesungguhnya jasa Tuan Haji dan Encik adalah bermakna buat saya.

Penghargaan ini juga saya ajukan kepada semua pegawai serta kakitangan Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh terutama sekali kepada unit hasil (En. Zakaria B. Mohd. Nor, En. Khairuddin B Abd Jalil dan Pn. Rokian Bt

Daud) di atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang telah dicurahkan. Semoga segala apa yang dicurahkan mendapat keredhaan daripada Allah SWT. Tidak lupa juga jutaan terima kasih yang tak terhingga buat ayah bonda yang tercinta kerana telah banyak memberi peransang serta sokongan moral buat anaknya. InsyaAllah ... dengan restamu dan doa ikhlas darimu anaknya pasti berjaya.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	M/SURAT
DEDIKASI	
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	iii
RINGKASAN EKSEKUTIF	v

BAB 1: LATARBELAKANG ORGANISASI/ SYARIKAT

1.1 PENGENALAN	1
1.1.1 Sejarah Penubuhan	4
1.1.2 Objektif Penubuhan	4
1.1.3 Misi	5
1.1.4 Objektif Pentadbiraan Jajahan	5
1.1.5 Fungsi Organisasi	6
1.2 MAKLUMAT ORGANISASI	8
1.2.1 Struktur Organisasi	12
1.3 CARTA ORGANISASI	14
1.3.1 Bidang Tugas	15
1.4 AKTIVITI ORGANISASI	15
1.4.1 Bahagian Pentadbiran Am	16
1.4.2 Bahagiaan Pentadbiraan Dan Pengurusan Tanah	17
1.4.3 Bahagian Perancangan Dan Pengurusan	17
1.4.4 Prospek Organisasi Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh	19
1.4.5 Diskripsi keseluruhan Penubuhan	21
1.5 KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI	23
1.6 RUMUSAN	28

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

BAB II : PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1 PENGENALAN	30
2.2 JENIS MASALAH	31
2.2.1 Pentadbiran	31
2.2.2 Bahagian Pemasaran Dan Oprasi	32
2.2.3 Bahagian Kaunter	33
2.3 ANALISIS MASALAH DAN PERBINCANGAN KESELURUHAN PENEMUAN	33
2.3.1 Rumusaan Analisis Dan Perbincangan	34
2.4 CADANGAN PENYELESAIAN	
2.4.1 Tindakan Dan Kesedaran Diri	38
2.4.2 Penilaian Prestasi Kerja	39
2.4.3 Objektif Yang Jelas	39
2.4.4 Mengenali Masalah Dan Prioriti Tindakan	40
2.4.5 Penyusunan Struktur Organisasi	40
2.4.6 Motivasi	41
2.4.7 Sistem Pengawalan Dan Pengawasan	41
2.4.8 Sistem Membuat Keputusan	42
2.4.9 Pembangunan Tenaga Manusia	42
2.5 PELAKSANAAN CADANGAN DAN IMPLIKASI	43
3.0 RUMUSAN	48
LAMPIRAN	

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pentadbiran daerah merupakan tunggak kearah mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera, penyayang serta kebertanggungjawaban. Pegawai daerah adalah memainkan peranan penting dalam sistem pelaksanaan perancangan pembangunan negara. Pejabat tanah dan Jajahan Pasir Puteh, merupakan sebuah organisasi kerajaan yang memainkan peranan penting di dalam membantu penduduk di jajahannya. Apa yang nyata perkhidmatan yang dilakukan oleh mereka meninggalkan kesan yang mendalam kepada sesiapa yang berurusan dengannya baik positif dan juga impak negetif.

Selama saya berada di sana, terlalu banyak pengalaman yang saya perolehi namun pelbagai cabaran juga terpaksa saya lalui. Keindahan merupakan satu kebaikan manakala pahit untuk ditelan merupakan beban permasalahan. Walaupun Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh terlalu banyak kebaikan serta kelebihannya namun ia juga tidak ketinggalan dari segi permasalahan yang timbul. Apa yang paling ketara sekali masalah yang dapat dikesan ialah masalah kekurangan kemudahan-kemudahan asas seperti komputer dan sebagainya manakala staf juga adalah berkurangan. Dari sudut pandangan kasar permasalahan ini bukanlah suatu pekara yang sukar. Sayugia diingatkan bahawa organisasi tersebut merupakan salah satu organisasi kerajaan, di mana kuasa keputusan bukanlah terletak di tangan mereka sepenuhnya. Hal ini menyebabkan sesuatu yang agak biasa menjadi sukar untuk di selesaikan.

Di era globalisasi Kekurangan kemudahan-kemudahan asas merupakan satu beban yang agak berat untuk ditanggung. Ini kerana permasalahan tersebut amat memberi kesan kepada kelincinan pengurusan sesebuah organisasi. Sebagaimana contohnya sistem pengkomputeran, kekurangan komputer menyebabkan proses pengurusan kerja di pejabat itu menjadi lambat. Dengan ini, kebanyakkan tugas yang hendak diselesaikan dengan segera tengendala. Hal ini turut sama memberi kesan kepada orang awam di mana mereka terpaksa menunggu sebeginu lama untuk membuat pelbagai urusan berkaitan dengan mereka.

Antara lainnya, permasalah yang timbul di organisasi tersebut adalah disebabkan oleh kurangnya motivasi diri pekerja, di mana ada sesetengah daripada mereka kurang menitikberatkan disiplin diri sebagai contohnya kehadiran kepejabat adalah lambat manakala pulang dengan cepat. Bagi sesebuah organisasi yang hendak mencapai misi serta objektif-objektifnya mestilah memperolehi dan mengekalkan pekerja yang bukan hanya berkelayakan tetapi juga yang bermotivasi tinggi untuk berusaha bagi mencapai objektif-objektif tersebut. Pada dasarnya mereka ini adalah berkelayakkkan dan mampu untuk menyelenggarakan sesuatu tugas dengan sempurna malahan punyai potensi tinggi dalam kerjaya, namun hanya sedikit kelemah yang dihadapi

oleh segelintir daripada mereka iaitu kehadiran dan pulang mereka adalah tidak menepati masa.

Seandainya di analisis dari sudut praktikal, Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh merupakan sebuah organisasi kerajaan yang boleh dikelaskan sebagai sebuah organisasi yang cukup cermelang di mana mereka sentiasa mencari pelbagai inisiatif untuk memajukan diri serta melicinkan perjalanan organisasi selaras dengan wawasan 2020 yang diwar-warkan oleh kerajaan.